

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA**  
No 20, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 WP PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000  
Faks: 603-8880 8288  
Laman Web: www.jpn.gov.my  
E-mel: pro@jpn.gov.my



Ruj.: JPN.KP:163/15/3 klt.3 ( 5 )

Tarikh : 8 Oktober 2015

Kepada:

Sesiapa yang berkenaan

Tuan/Puan,

**HEBAHAN BERKAITAN PROSEDUR BAHARU PENGELUARAN CABUTAN  
DAFTAR ALAMAT JPN.KP13**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, berkuatkuasa pada **15 Oktober 2015** semua permohonan Cabutan Daftar Alamat JPN.KP13 perlu melalui prosedur baharu yang telah ditetapkan seperti berikut:

2.1 Semua permohonan perlu dibuat semakan terlebih dahulu melalui email rasmi jabatan (sila rujuk alamat email rasmi bagi setiap negeri seperti di **Lampiran A**) dengan mengemukakan maklumat permohonan yang lengkap seperti berikut (sila rujuk contoh di **Lampiran B**).


2.1.1 Nombor kad pengenalan.

2.1.2 Nama pemilik kad pengenalan.

2.1.3 Tujuan permohonan Cabutan Daftar Alamat JPN.KP13.

2.1.4 Agensi yang membuat permohonan.

RAKYAT DI HATI JPN



2.2 Setelah menerima pengesahan daripada JPN, setiap agensi boleh mengemukakan permohonan yang telah disemak dengan hadir di kaunter Bahagian Kad Pengenalan atau mengemukakan permohonan secara pos beserta kadar bayaran fi bagi setiap Cabutan Daftar Alamat.

2.3 Kutipan Cabutan Daftar Alamat JPN.KP13 adalah seperti prosedur sedia ada.


3. Dimaklumkan juga bahawa kadar baharu bayaran fi bagi setiap satu (1) Cabutan Daftar Kad Pengenalan JPN.KP12 dan setiap satu (1) Cabutan Daftar Alamat JPN.KP13 adalah sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** berkuatkuasa pada **15 Oktober 2015**.

4. Sehubungan dengan itu, perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan dipatuhi bagi memastikan prosedur baharu ini dapat berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



( ZAHROLLAIL BIN ZAINAL )  
Pengarah Bahagian Kad Pengenalan  
b.p. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara,  
Malaysia

s.k.

- i. Y.Bhg Dato' KPPN
- ii. TKPPN

**SENARAI ALAMAT EMAIL JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN) UNTUK  
SEMAKAN PERMOHONAN CABUTAN DAFTAR ALAMAT JPN.KP13**

<b>BIL.</b>	<b>JPN NEGERI</b>	<b>ALAMAT EMAIL</b>
1.	W.P. PUTRAJAYA	cabutandaftaralamat@jpn.gov.my
2.	W.P. KUALA LUMPUR	cdawpkl@jpn.gov.my
3.	SELANGOR	cdaselangor@jpn.gov.my
4.	NEGERI SEMBILAN	cdansembilan@jpn.gov.my
5.	MELAKA	cdamelaka@jpn.gov.my
6.	JOHOR	cdajohor@jpn.gov.my
7.	PAHANG	cdapahang@jpn.gov.my
8.	TERENGGANU	cdaterengganu@jpn.gov.my
9.	KELANTAN	cdakelantan@jpn.gov.my
10.	PERAK	cdaperak@jpn.gov.my
11.	PULAU PINANG	cdapulaupinang@jpn.gov.my
12.	KEDAH	cdakedah@jpn.gov.my
13.	PERLIS	cdaperlis@jpn.gov.my
14.	SABAH	cdasabah@jpn.gov.my
15.	SARAWAK	cdasarawak@jpn.gov.my
16.	W.P. LABUAN	cdawplabuan@jpn.gov.my

(letterhead Firma Guaman)

Rujukan kami :

Tarikh :

Kepada:

Pengarah

Jabatan Pendaftaran Negara

Bahagian Kad Pengenalan

Aras G, Kompleks Kementerian Dalam Negeri

Jalan Sri Hartamas 1, Off Jalan Dutamas 1

50551 Kuala Lumpur

Tuan/Puan

### PERMOHONAN SEMAKAN CABUTAN DAFTAR ALAMAT TERKINI

Kami mewakili anakguam kami (nama syarikat/ individu yang melantik) bagi tujuan (contoh: tindakan undang-undang) terhadap penama dibawah.

2. Firma kami ingin memohon semakan bagi penama dan no. kad pengenalan yang disenaraikan dibawah:

BIL.	NAMA	NO. KAD PENGENALAN
1.		
2.		
3.		
4.		

3. Kerjasama daripada pihak tuan amatlah di hargai.

Sekian, terima kasih

Yang benar

(Nama)

(letterhead firma guaman)

Ruj. kami :

Tarikh :

Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Negara  
Bahagian Kad Pengenalan  
Aras G, Kompleks Kementerian Dalam Negeri  
Jalan Sri Hartamas 1, Off Jalan Dutamas 1  
50551 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN CABUTAN DAFTAR ALAMAT TERKINI**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Kami mewakili anakguam kami (nama individu - no. K/P / nama syarikat) yang beralamat (alamat) ingin membuat cabutan daftar alamat terkini bagi penama-penama berikut untuk tujuan (memulakan tindakan undang-undang / tindakan undang-undang).

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan
1.		
2.		
3.		

2. Bersama-sama ini disertakan bayaran secara (Cek/Bank Draf/Tunai) berjumlah (RM) (Ringgit Malaysia:.....) untuk setiap carian alamat terkini bagi penama-penama tersebut.

3. Kami dengan ini mewakilkan (nama wakil membuat kutipan cabutan) dan (nombor kad pengenalan wakil) untuk membuat kutipan Cabutan Daftar Alamat yang dipohon.

Sekian, terima kasih.

Yang benar.

(Nama penandatangan)  
Jawatan (Peguambela & Peguamcara)

Nota: jika melebihi 3 carian alamat sila sertakan lampiran.

